

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Wednesday, December 16, 2015 11:49 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Azhar B Anis Mohammad; SITI ZULAIHA BINTI AHMAD
Subject: HEP ONLINE: DPP SME BANK ANJUR PROGRAM SETITIS DARAH, SEJUTA HARAPAN



“UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

16 DISEMBER 2015, RABU | 4 RABIULAWAL 1437H

Oleh : Mohamad Nazri bin Mohamad Saman



DPP SME BANK: Biro Keselamatan dan Kesihatan Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS) Dewan Penginapan Pelajar (DPP) SME Bank telah menganjurkan program 'Setitis Darah, Sejuta Harapan' di perkarangan Dewan Penginapan Pelajar SME Bank.

Gerak kerja yang proaktif ahli jawatankuasa pelaksana telah berjaya menarik 76 orang pelajar untuk menyertai program tersebut.

Program ini bermatlamat untuk melahirkan mahasiswa yang prihatin bagi menyumbang sesuatu perkara dalam aspek wang ringgit dan sebagainya. Hasil pengumpulan darah tersebut akan disalurkan kepada warga masyarakat yang memerlukannya.

Program ini juga dapat mewujudkan rasa cinta kita terhadap masyarakat. Program ini diadakan untuk menarik pelajar untuk menderma darah mereka kerana darah boleh digunakan apabila seseorang memerlukannya. Ia juga dapat mewujudkan kesedaran di kalangan pelajar tentang manfaat menderma darah. Program ini merupakan kerjasama antara Biro Keselamatan dan Kesihatan dan Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah.

Pengarah projek, Noor Adibah Binti Azlan berkata melalui program itu, pelajar dapat memberikan lebih banyak informasi dan manfaat yang berguna serta dapat memberi kesedaran tentang faedah menderma darah..

"Terima kasih kepada semua sahabat kerana bersama-sama untuk menjayakan program ini dan semoga program ini dapat diteruskan dan diperbanyakkan lagi pada masa akan datang," katanya.

Secara keseluruhan, program itu telah mencapai objektif dan matlamatnya melalui penglibatan para peserta. Semua perancangan dari awal hingga akhir telah berjaya dilaksanakan dan dapat memberi kesan dalam mendedahkan pelajar mengenai setitik darah boleh menyelamatkan nyawa seseorang.

Sekian.

Daripada

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok, Kedah

Tel: 04 – 928 4011

Faks: 04 – 928 4016

Web: www.hep.uum.edu.my

Emel: hep@uum.edu.my

Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>

Blog: <http://hepuum.blogspot.com/>

